

# UNISSA tandatangani MoU dan MoA

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyampaikan pingat dan hadiah buku kepada penerima pada Majlis Malam Graduan sempena Haflut Takharruj Ke-7 UNISSA.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Oktober. - Adalah difahami bahawa segulung ijazah yang telah diterima merupakan kunci utama untuk memasuki dunia kerjaya sesuai dengan pencapaian masing-masing.

Namun, kita juga perlu menerima hakikat bahawa untuk memperoleh jawatan yang sesuai dengan kelulusan yang diperoleh itu saingannya sangatlah sering.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Penolong Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Arman bin Haji Asmad semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Malam

graduan sempena Haflut Takharruj Ke-7 UNISSA yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, di sini.

Beliau seterusnya berharap agar lulusan UNISSA akan sentiasa berusaha meningkatkan dan mengembangkan kapasi diri demi mencari kelebihan dalam persaingan merebut peluang pekerjaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi (tengah) selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan University of Holy Quran & Islamic Sciences, Sudan.

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis tersebut juga diselanjurkan dengan penandatanganan lima Memorandum Persefahaman (MoU) dan satu Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UNISSA bersama enam buah institusi pendidikan.

Penandatanganan MoU tersebut adalah di antara UNISSA dengan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam (ITQSHHB); University of Holy Quran & Islamic Sciences, Sudan; Universitas Ibnu Khaldun, Bogor, Indonesia; Osaka University,

Jepun dan Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah, Jakarta (pembaharuan MoU).

Manakala satu MoA ditandatangani bersama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfian bin Haji Zainal yang disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, manakala mewakili institusi terlibat ialah pemimpin-pemimpin institusi atau universiti berkenaan.

Penandatanganan MoU dan MoA berkenaan adalah selaras

dengan usaha UNISSA untuk memperkenalkan tentang kewujudannya sebagai universiti Islam yang unggul di negara ini ke dunia luar dan sekali gus melonjakkan reputasi serta kedudukannya pada arena pendidikan dalam dunia global.

Dalam hal ini juga, UNISSA akan berusaha berganding bahu dalam menonjolkan lagi Program Al-Quran dengan adanya kerjasama dengan ITQSHHB, Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, UNISSA menawarkan Program Sarjana Muda Usuluddin Tahfiz dan Qiraat.

## HALUAN

### Dari muka 2

Justeru itu, metodologi pengajaran yang terkini perlu dibangun dan diadaptasi seiring dengan ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di institusi tinggi, penggunaan komputer multimedia dan internet yang meluas berpotensi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dinamik dan lebih berkesan. Pertautan dengan hypermedia memberi peluang kepada pelajar menjana maklumat yang diingini tanpa bantuan tenaga pengajar, di samping mampu mewujudkan situasi sebenar pembelajaran serta membolehkan komunikasi secara langsung dengan penutur asli melalui kemudahan internet. Justeru, penyediaan prasarana yang lengkap dan mencukupi seperti kewujudan makmal bahasa dilihat sebagai perkara yang perlu ada di setiap institusi pengajaran tinggi mahu pun pengajaran dasar.

Sungguhpun demikian, dalam usaha memantapkan proses pengajaran bahasa, penyediaan tenaga pengajar yang berketerampilan adalah sangat penting dan menjadi nadi kepada proses pembelajaran yang berterusan. Mereka perlu mengenal pasti isu dan permasalahan yang sering timbul melibatkan bahasa yang diajar, situasi pembelajaran dan isu berkaitan pihak pelajar dan

pengajar sendiri.

Perihal ini tidak terkecuali dalam konteks ilmu pengajaran Islam, di mana tuntutan kepada trend pengajaran yang terkini serta penyediaan tenaga pengajar yang berkualiti penting bagi menjayakan matlamat pendidikan Islam. Personaliti pendidik, ilmu pengetahuan dan pengetahuan pedagogi kandungan serta kepelbagaian kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan komponen asas bagi setiap tenaga pengajar agar selaras dengan objektif pendidikan Islam yang mengutamakan penekanan aspek penghayatan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Cabarannya perkembangan kemajuan ekonomi yang mendesak, kecanggihan teknologi tanpa sempadan dan kepelbagaian isu masyarakat global yang mengejar material telah menyebabkan ilmu pengajaran Islam hampir diketepikan. Justeru pihak institusi tinggi pengajaran Islam perlu menggembungkan usaha menyediakan program dan pengajaran dinamik lagi menarik agar kecenderungan pelajar menimba ilmu Islam tidak luntur dan terhapus.

Ilmu pengajaran Islam sinonim dengan kaedah pengajaran tradisi melalui Talaqqi dan penerangan kuliah atau konsep berguru (secara autoriti) diakui masih perlu, seperti ilmu berkaitan fardu ain atau Tasauf. Namun profil pendidik berteraskan konsep Islam iaitu Mudarris, Muaddib, Murabbi,

Mursyid dan Mu'allim seharusnya juga diberikan nilai tambah agar pengajaran yang diberikan selari dengan amalan yang dipraktikkan. Pendidikan Islam yang bersifat holistik atau menyeluruh kerana meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi secara bersepada dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia demi mencapai kemajuan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam pada itu, tanpa mengabaikan keberkesanannya kaedah tradisi yang menekankan konsep berguru melibatkan pembinaan adab dan penghayatan nilai, kombinasi strategi pengajaran dan pembelajaran yang komprehensif dengan penggunaan media ICT sebagai sokongan dianggap membantu proses pembelajaran dan pemerolehan ilmu pengetahuan. Begitu juga pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan satu pendekatan pendidikan yang mampu melibatkan pelajar sebagai pemain utama yang aktif dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

Keadaan ini selari dengan konsep Islam yang mengiktiraf kepelbagaian sumber ilmu, sekalipun tahap kebenaran tidaklah sama. Islam juga menerima semua kaedah selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas pendidikan Islam yang mementingkan ilmu bermanfaat dan benar.

Dengan ini, saya melihat bahawa

seminar yang mengetengahkan tema 'Peranan Universiti Dalam Memajukan Pengajaran Bahasa Arab Dan Pengajaran Islam' sangat relevan dengan tuntutan semasa, yang mengutamakan ilmu yang sahih bersandarkan kepada sumber tradisi yang tulen dan dalam masa yang sama tidak mengeneptikan kemajuan ilmu moden yang diperakui di peringkat global.

Saya difahamkan bahawa persidangan ini merupakan julung-julung kalinya diadakan, dan berjaya dilaksanakan, hasil daripada jalinan kerjasama antara dua buah institusi dengan sebuah organisasi bertaraf antarabangsa. Semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa ada jalinan ukhuwah antara satu sama lain. Sifat ukhuwah seperti ini hendaklah dieratkan sampai bila-bila, agar persaudaraan antara institusi dan organisasi yang terlibat khususnya semakin kukuh dan teguh antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, saya harap kerjasama seperti ini bukan setakat dalam bentuk penganjuran persidangan tetapi dilaratkan kepada pelbagai kerjasama lain bagi mengukuhkan lagi kedudukan institusi ini, sesuai atas kapasitinya sebagai institusi yang menyalurkan ilmu kepada generasi kini dan seterusnya, sekali gus institusi yang beroperasi sebagai penggerak utama kepada pembudayaan penyelidikan. Sepertimana dimaklumi bahawa Rabitah Universiti-Universiti Islam mempunyai peranan yang

amat besar dalam bidang ini. Di mana telah berusaha semampunya telah merealisasikan bantuan dan ikatan antara universiti-universiti dalam dunia Islam sehingga terlaksananya seminar seperti ini sebagai bukti nyata.

Saya juga dimaklumkan bahawa terdapat lebih daripada 60 kertas kerja daripada 12 buah negeri akan dibentangkan dalam seminar ini. Oleh yang demikian, saya berharap seminar ini dapat memberi ruang dan peluang kepada semua pembentang dan peserta untuk membincangkan integrasi metodologi pengajaran secara telus dan harmoni malah memanfaatkan persidangan ini semaksimnya agar segala ilmu yang diperolehi dapat diaplifikasikan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Dengan lafadz, Bismillahir Rahmannir Rahim, Laa Haulaa Kuwata Illa Billah Hil'Aliyil 'Azim serta selawat dan salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan sukacitanya, saya merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Pengajaran Islam Dalam Dunia Islam anjuran UNISSA, KUPU SB, Negara Brunei Darussalam serta Rabitah Universiti.

Selamat bersidang. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.